

Banting dilanda banjir

Hujan lebat, air laut pasang sebabkan beberapa kawasan dinaiki air

BANTING - Hujan lebat selama tiga jam dan air laut pasang secara mendadak setinggi 5.4 meter mengakibatkan beberapa kawasan di sekitar Banting dinaiki air, semalam.

Kejadian berlaku kira-kira jam 4 pagi dan banjir dipercayai akibat longkang berhampiran tersumbat serta tidak mampu menampung air hujan yang banyak.

Seorang penduduk, Siew Kian Hua, 39, berkata, lebih 20 rumah berhampiran sebuah pasar raya di pekan Banting dinaiki air menyebabkan aktiviti harian mereka terjejas.

Menurutnya, setiap kali hujan lebat, kawasan itu akan ditenggelami air yang didakwa akibat masalah perparitan yang menghubungkan kawasan perumahan itu

ke Sungai Langat.

"Bila hujan lebat dalam satu jam, air mula melimpah ke rumah dan macam inilah kerisauan penduduk setiap kali hujan lebat.

"Bagi kami masalah utama ialah perparitan yang tidak diselenggarakan walaupun terdapat pihak mendakwa hujan lebat punca banjir berlaku," katanya.

Seorang pekerja pasar raya, Nur Ain Ruslan, 33, berkata, dia hanya menyedari kawasan rumahnya dinaiki air semasa keluar untuk mengambil surat khabar.

Menurutnya, akibat banjir berkenaan, dia lewat ke tempat kerja kerana terpaksa menunggu air surut.

"Selalunya saya keluar rumah berjalan kaki sehingga tepi

jalan sebelum rakan ambil ke tempat kerja, namun bila lihat paras air mencecah kira-kira 1.5 meter, saya terpaksa tunggu air surut kerana tidak mahu pakaian basah," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, air laut pasang dan hujan lebat awal pagi semalam menyebabkan air melimpah ke kawasan taman perumahan berhampiran.

Katanya, pintu kunci air tidak boleh dibuka sepenuhnya kerana air sungai tinggi, namun tidak dinafikan sampah-sarap yang terdapat di dalam parit dan longkang turut menyebabkan air tidak lancar ke kawasan kunci air.

"Bagaimanapun, air mula



Laluan menghala ke sebuah pasar raya di pekan Banting yang

surut kira-kira jam 8 pagi, manakala 'outlet' longkang Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dinasihatkan supaya dapat men-

jalankan penyelenggaraan mengikut jadual ditetapkan.

"Kerja-kerja membersihkan perangkat sampah be-